

**MEMAKSIMUMKAN TAHAP PENGGUNAAN KEMUDAHAN DAN
PERKHIDMATAN SERTA PERANAN PUSAT PELAJAR
DIKALANGAN SISWA DAN SISWI UNIVERSITI TEKNOLOGI**

MARA SARAWAK

PERPUSTAKAAN UiTM SARAWAK
PERPUSTAKAAN MARA SARAWAK

OLEH;

ABDUL AZIZ BIN ABDULLAH	96309997
AWG ZAMZURI BIN AWG SERUJI	96543734
IMRAN BIN HALIP	96991317
FAIDILADZHAR BIN SEDEK	97235089
MUHD KHAIRUL MUKHSIN BIN SADIM	97038823

**FALKUTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA KAMPUS SAMARAHAN**

APRIL 2000

Abstrak Kajian

Penyelidikan yang telah dilakukan menunjukkan tahap perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan di Pusat Pelajar ini secara keseluruhannya berada pada tahap yang sederhana sahaja.Tetapi ia boleh ditingkatkan dari semasa ke semasa untuk menyediakan serta memberi segala kemudahan yang sempurna untuk semua warga kampus secara umumnya.

Dari segi tahap penggunaan serta pemantapan Pusat Pelajar di sini menunjukkan bahawa tiada atau jarang sekali aktiviti serta program yang diadakan di Pusat Pelajar.Ini kerana tiadanya tindakan susulan yang di buat oleh pihak pengurusan atau pihak pentadbir Universiti mengadakan kegiatan serta aktiviti di Pusat Pelajar.Ini menyebabkan para pelajar beranggapan Pusat pelajar hanya sebagai tempat untuk berehat disamping untuk menggunakan segala perkhidmatan yang ada.

Seterusnya,kebanyakan para pelajar juga secara keseluruhannya hanya beranggapan Pusat Pelajar sebagai suatu tempat untuk menghilangkan tekanan serta stress setelah penat memerah minda.Oleh yang demikian tanggapan seperti itu telah menyebabkan Pusat Pelajar telah di salah ertikan oleh para pelajar.

ISI KANDUNGAN

Perkara	Mukasurat
Sekalung budi	i
Abstrak kajian	ii
Isi kandungan	iii
Senarai jadual	iv

Bab 1 : PENGENALAN

1.0	Pengenalan	1
1.1	Latarbelakang kajian	2
1.2	Matlamat kajian	4
1.3	Kepentingan kajian	5
1.4	Skop kajian	6
1.5	Tinjauan kajian	7

Bab 2 : METODOLOGI

2.0	Pengenalan	10
2.0.1	Data Primer	10
2.0.2	Data Sekunder	10
2.0.3	Pemerhatian	11
2.1	Kaedah Pensampelan	12
2.2	Kaedah pengumpulan data	13
2.3	Hypotesis	14

1.0 Pengenalan

Apabila kita memperkatakan mengenai sesebuah Institut Pengajian Tinggi,mungkin dalam fikiran kita akan terbayang suasana persekitaran yang menarik sesuai bagi pusat kecemerlangan pendidikan dan ilmu.Jika diperhatikan dengan lebih mendalam sebenarnya setiap Pusat pengajian tinggi di seluruh Malaysia khususnya di Universiti Teknologi Mara kampus Samarahan mempunyai apa yang di panggil sebagai Pusat Pelajar atau lebih dikenali sebagai ‘Student Centre’.Ia berperanan sebagai pusat kegiatan pelajar yang mengandungi pelbagai kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan kepada mahasiswa dan mahasiswi.Selain itu juga, ia juga berfungsi sebagai medan pertemuan mahasiswa dan mahasiswi untuk bergaul dan menjalankan aktiviti harian sebagai warga kampus.

Sungguhpun begitu,peranan serta fungsi Pusat pelajar tidak lagi setakat yang dinyatakan diatas,tetapi peranan ia juga lebih luas.Suasana persekitaran yang selesa akan dapat meningkatkan serta mananam minat para warga kampus tentang ilmu pengetahuan.Ini sekaligus dapat memberikan impak yang berkesan dalam kecermelangan akademik dan aktiviti yang lain.

Dalam kes yang kami kaji,sebenarnya Pusat Pelajar di Universiti Teknologi Mara Samarahan ini merangkumi kesemua persekitaran bawah Perpustakaan serta yang berhadapan dengan perpustakaan yang mana ia menempatkan pelbagai ruang aktiviti perniagaan dan kemudahan awam untuk kegunaan dan manfaat para mahasiswa dan mahasiswi.

Seterusnya kami akan mengupas secara terperinci mengenai penyelidikan yang telah kami lakukan untuk tatapan semua.

2.0 Pengenalan

Sesuatu kajian mestilah berdasarkan metadologi untuk memperolehi pelbagai maklumat untuk memudahkan lagi pihak kami bagi mendapatkan isi bagi tujuan kajian. Dalam usaha mencari maklumat sebanyak yang mungkin, kami telah menggunakan Data Primer sebagai rujukan kajian kami. Metadologi atau juga boleh dikenali sebagai kaedah ini akan digunakan sebagai pendukung kepada pencarian jawapan terhadap kajian yang hendak dijalankan nanti.

2.0.1.Data Primer

Data primer ini juga dikenali sebagai data mentah. Ia merupakan segala data yang masih belum diproses. Data ini adalah hasil daripada soal selidik yang telah dibuat dibuat oleh penyelidik ke atas responden yang telah dipilih. Ini adalah merupakan satu-satunya data yang boleh kami gunakan untuk penyelidikan pihak kami. Kelebihan utama data ini ialah ia secara terus menerus mendapatkan maklumat daripada responden. Maklumat yang penting ini akan diolah dan seterusnya diproses sebelum ianya dapat diinterpretasikan dalam bentuk laporan atau tugasaran kajian.

2.0.2 Data Sekunder

Data sekunder ini adalah data di mana ia maklumat dari hasil penyelidik sebelumnya atau yang lepas dan telah diterjemahkan dalam bentuk laporan,suratkhabar,artikel dan sebagainya. Dalam kami membuat kajian, kami mungkin tidak atau sahaja menggunakan data ini kerana kajian yang sedang dijalankan atau ditulis oleh orang perseorangan buat masa kini